

**IBRAH BULAN MUHARAM**  
**21 JULAI 2023 | 03 MUHARAM 1445H**

أَحْمَدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ  
أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يُضِلِّ فَلَا هَادِيَ لَهُ.  
وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ  
وَرَسُولُهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.  
أَمَّا بَعْدُ،

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ وَأُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah Subhanahu wa-Ta'ala dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita diberkati Allah Subhanahu wa-Ta'ala di dunia dan akhirat.

**Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Ta'ala,**

Kita bersyukur kerana Allah Subhanahu wa Ta'ala memberikan kesempatan kepada kita semua untuk berada pada tahun baru hijrah 1445. Kedatangan tahun hijrah mengingatkan kita kepada peristiwa hijrah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dan para sahabat dari Mekah ke Madinah. Peristiwa ini dinyatakan oleh Allah Subhanahu wa Ta'ala dalam surah al-Taubah ayat 20:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

الَّذِينَ آمَنُوا وَهَاجَرُوا وَجَاهَدُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ بِأَمْوَالِهِمْ وَأَنْفُسِهِمْ أَكْبَرُ دَرَجَةً عِنْدَ

اللَّهِ ۗ وَأُولَٰئِكَ هُمُ الْفَائِزُونَ

**Yang bermaksud:** “(Sesungguhnya) orang yang beriman dan berhijrah serta berjihad pada jalan Allah dengan harta benda dan jiwa mereka adalah lebih besar dan tinggi darjatnya di sisi Allah dan mereka itulah orang yang berjaya.”

Peristiwa hijrah mengajar kepada kita semua tentang satu generasi yang amat mencintai agama Islam melebihi daripada segala-galanya. Apabila diperintahkan untuk berhijrah mereka taat dengan penuh kekuatan iman menyahut seruan Allah Subhanahu wa Ta'ala . Mereka sanggup berhijrah dengan meninggalkan kampung halaman yang tercinta, kaum keluarga dan harta benda. Seorang sahabat yang bernama Suhaib al-Rumi dihalang oleh orang-orang Quraisy sewaktu berhijrah, lalu dia berkata, ” Bagaimana kalau aku serahkan harta ku? Adakah kamu akan benarkan aku pergi?”. Mereka menjawab, ” Ya” Lalu Suhaib menyerahkan hartanya kepada mereka, dan dia dibenarkan pergi untuk berhijrah.

Apabila sampai berita itu kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam maka Baginda berkata kepada Suhaib dalam kisah yang diriwayatkan oleh Ibnu Hisyam yang bermaksud:

*“Beruntunglah Suhaib, beruntunglah Suhaib”.*

Mereka melakukan pengorbanan yang luar biasa hanya semata-mata cinta mereka kepada Allah Subhanahu wa Taala dan Rasul Sallallahu Alaihi Wasallam, cinta mereka kepada Islam dan demi menyelamatkan agama dan iman mereka. Peristiwa hijrah ini menuntut kita semua untuk bermuhasabah, apakah bukti cinta kita semua kepada Islam? Semoga Allah Subhanahu wa Taala memberi petunjuk kepada kita semua agar Islam menjadi keutamaan dalam kehidupan kita.

### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Ta'ala,**

Antara pengajaran besar dalam peristiwa hijrah ialah kekuatan umat Islam yang berjaya dibina melalui perpaduan dan penyatuan dalam kalangan mereka. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah menyatupadukan penduduk Madinah yang terdiri dari dua kabilah besar iaitu Aus dan Khazraj di atas nama Ansar. Kemudian mereka dipersaudarakan dengan Muhajirin yang menjadikan mereka satu Ummah yang kuat dan bersatu padu. Beginilah mulanya cara untuk membina sebuah kerajaan mengikut sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dengan menyatupadukan umat Islam terlebih dahulu sebelum kerajaan dibina. Begitulah sepatutnya berlaku di negara ini bukan dengan cara memecahbelahkan sesama Islam khususnya bangsa Melayu.

Marilah kita bersama-sama bersatu padu untuk membina kekuatan umat Islam bukan memperbanyakkan parti-parti politik yang menyebabkan kita

berpecah belah. Firman Allah Subhanahu wa Taala dalam surah al-Hasyr ayat 9:

وَالَّذِينَ تَبَوَّءُوا الدَّارَ وَالْإِيمَانَ مِنْ قَبْلِهِمْ يُحِبُّونَ مَنْ هَاجَرَ إِلَيْهِمْ وَلَا يَجِدُونَ فِي صُدُورِهِمْ حَاجَةً مِمَّا أُوتُوا وَيُؤْثِرُونَ عَلَىٰ أَنْفُسِهِمْ وَلَوْ كَانَ بِهِمْ خَصَاصَةٌ ۗ

**Yang bermaksud:** *“Dan orang yang telah menempati kota Madinah dan telah beriman (Anshor) sebelum (kedatangan) mereka (Muhajirin), mereka (Anshor) ‘mencintai’ orang yang berhijrah kepada mereka (Muhajirin). Dan mereka (Anshor) tiada menaruh keinginan dalam hati mereka terhadap apa-apa yang diberikan kepada mereka (Muhajirin); dan mereka mengutamakan (orang-orang Muhajirin), atas diri mereka sendiri, sekalipun mereka dalam kesusahan.”*

### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Ta’ala,**

Kita semua mengetahui apabila Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sampai ke Madinah perkara yang pertama dilakukan oleh Baginda ialah mendirikan masjid. Masjid Nabawi menjadi tempat kegiatan umat Islam dalam urusan kehidupan mereka dan solat berjemaah lima kali sehari adalah aktiviti yang paling utama untuk menyatukan umat Islam. Para sahabat dididik oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam untuk mengimarahkan masjid. Masjid berada dihati mereka setiap detik dan merindui untuk pergi ke masjid setiap hari. Tidak hairanlah para sahabat menjadi peribadi yang hebat dalam membina kekuatan Islam. Kita amat marah bila melihat Yahudi dan musuh Islam yang lain meruntuhkan masjid. Namun pada masa yang sama kita bimbang perbuatan kita yang tidak pergi untuk mengimarahkan masjid juga adalah tindakan seperti meruntuhkan masjid tanpa kita sedari. Oleh itu, semoga kedatangan tahun baru

hijrah ini akan mengerakkan diri kita semua untuk lebih mengimarahkan masjid kita ini. Beruntunglah orang yang mengimarahkan masjid kerana Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Tirmizi yang bermaksud:

*“Jika kamu melihat seseorang itu biasa ke masjid maka dia adalah orang yang beriman.”*

Marilah kita mendengar peringatan daripada kata-kata Abdullah bin Mas’ud dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam Muslim yang bermaksud:

*“Jika kamu mendirikan solat lima waktu di rumah-rumah kamu, kamu telah meninggalkan sunnah Nabi kamu, dan jika kamu meninggal sunnah Nabi kamu, kamu pasti akan sesat. Pada zaman Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam hanya orang munafik sahaja yang meninggalkan solat berjemaah ini”*

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَالَّذِينَ هَاجَرُوا فِي اللَّهِ مِنْ بَعْدِ مَا ظَلَمُوا لَنُبَوِّئَنَّهُمْ فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً ۗ وَلَا جُرْءَ الْآخِرَةِ  
أَكْبَرُ ۗ لَوْ كَانُوا يَعْلَمُونَ

**Yang bermaksud:** *“Dan orang yang berhijrah kerana Allah, sesudah mereka dianiaya (ditindas oleh musuh-musuh Islam), Kami akan menempatkan mereka di dunia ini pada tempatnya yang baik; dan sesungguhnya pahala (amal mereka yang baik itu) lebih besar di akhirat kelak, kalaulah mereka mengetahui.”*

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ  
الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ  
الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ

المُسلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ  
الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.